



AMANAT: Taufiq menyampaikan perutusan sempena 100 hari menjadi naib canselor UMS semalam.

UMS naik taraf infrastruktur ICT ke arah kampus pintar

UB 12.12.2019 2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) sedang dalam proses menaik taraf dan penggantian infrastruktur Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di semua kampusnya bagi mencapai status kampus pintar.


Naib Canselor UMS Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin berkata untuk menjadikan UMS sebagai sebuah kampus pintar, infrastruktur dan keperluan asas harus ditingkatkan termasuk kadar kelajuan dan tahap capaian rangkaian dan sambungan internet.

“Oleh itu UMS akan meningkatkan sistem rangkaian dan keselamatan ICT penggantian sistem komunikasi (Unified Communication System – UCS) yang akan menggunakan telefon sepenuhnya.

“Selain itu UMS akan memperluaskan liputan dan ketumpatan perkhidmatan Wi-Fi di dalam bangunan dan persekitaran luar bangunan. Semua ini, saya difahamkan masih dalam proses penilaian tender,” katanya semasa menyampaikan perutusan bersempena 100 hari menjadi naib canselor UMS, di sini, semalam.

Beliau berkata sebagai permulaan, UMS telah mewujudkan inisiatif Kepintaran Buatan (AI) UMS, yang dikenali sebagai Kukuro, iaitu Intelligent Virtual Assistant bagi menangani masalah berkaitan ICT yang dihadapi oleh pelajar dan kakitangan UMS.

Taufiq berkata dalam masa



sama UMS juga terus merancang lagi pembangunan sistem bersepadu universiti.

“Ini termasuk membangunkan sendiri sistem kewangan dan perakaunan, pentadbiran, penyelidikan dan akademik. Kita tahu sistem-sistem ini adalah agak besar dan pastinya rumit, tapi saya yakin dan percaya, dengan kepakaran yang kita ada, sistem bersepadu ini akan berjaya dibangunkan.

“Kita juga telah mempergiatkan usaha menukar dan mengintegrasikan sistem-sistem sedia ada yang buat masa ini dicapai secara berasingan. Antara sistem yang telah berjaya dibangunkan adalah Staff Attendance Recording System (STARS), Smart Hadir, Sistem Maklumat Pelajar, Sistem Maklumat Penyelidikan dan Inovasi,” katanya.

Beliau berkata UMS juga telah melaksanakan kampus tanpa tunai dan menerusi inisiatif itu, pelajar tidak perlu lagi mengurus niaga secara tunai. — Bernama